



PEKELILING PELABUHAN No. 24/2023
PORT CIRCULAR No. 24/2023

DARIPADA : PENGARAH, JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA
FROM : DIRECTOR, MALAYSIA MARINE DEPARTMENT NORTHERN REGION

KEPADA : SEMUA NAKHODA KAPAL, PELAUT, PEMILIK & AGEN PERKAPALAN DAN
MASYARAKAT PERKAPALAN AMNYA.
TO : ALL SHIP MASTERS, MARINERS, SHIP OWNERS & AGENTS AND THE
GENERAL SHIPPING COMMUNITY

TARIKH/DATED: 22 DISEMBER 2023
22 DECEMBER 2023

**SEKATAN DAN LARANGAN KE ATAS SYARIKAT
PERKAPALAN ZIM INTEGRATED SHIPPING
SERVICES LTD. DARIPADA MEMASUKI DAN
BERLABUH DI PELABUHAN-PELABUHAN
SELURUH MALAYSIA**

Sebagai tindak balas terhadap tindakan Israel yang mengetepikan prinsip asas kemanusiaan dan melanggar undang-undang antarabangsa menerusi pembantaian serta kekejaman berterusan keatas negara dan rakyat Palestin, Kerajaan Malaysia memutuskan untuk menyekat dan melarang syarikat perkapalan ZIM Integrated Shipping Services Ltd. (ZIM) daripada memasuki dan berlabuh di mana-mana pelabuhan di seluruh Malaysia.

Selain dari itu, mana-mana kapal yang dimiliki oleh syarikat ZIM yang didaftarkan di Israel atau negara lain adalah disekat dan dilarang untuk singgah di mana-mana pelabuhan di seluruh Malaysia. Ia juga termasuk mana-mana kapal milik syarikat lain yang telah disewa dan diuruskan oleh syarikat ZIM.

Sekatan dan larangan ini juga termasuk:

- i. mana-mana kapal yang didaftarkan di Israel;
- ii. kapal-kapal yang mana pelabuhan-pelabuhan Israel disenaraikan sebagai pelabuhan singgahan dalam rangkaian perdagangan mereka.

Sekatan dan larangan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua pihak diminta untuk

**RESTRICTIONS AND PROHIBITIONS ON THE
SHIPPING COMPANY ZIM INTEGRATED
SHIPPING SERVICES LTD. FROM ENTERING
AND DOCKING AT PORTS THROUGHOUT
MALAYSIA**

In response to Israel's actions that ignore the basic principles of humanity and violate international law through the ongoing massacre and cruelty against the Palestinian state and people, the Malaysian Government decided to block and ban the shipping company ZIM Integrated Shipping Services Ltd. (ZIM) from entering and berthing at any port throughout Malaysia.

Apart from that, any ship owned by ZIM company registered in Israel or other countries is blocked and prohibited to call at any port throughout Malaysia. It also includes any vessels owned by other companies that have been chartered and managed by the ZIM company.

These restrictions and prohibitions also include:

- i. any vessel registered in Israel;*
- ii. ships for which Israeli ports are listed as ports of call in their trade network.*

mengambil tindakan yang sewajarnya berhubung dengan perkara tersebut.

Terima kasih.

These restrictions and prohibitions are effective immediately and all parties are requested to take appropriate action in relation to the matter.

Thank you.



(MUHAMMAD SHUHAIMI BIN ABD RAHMAN)
22/10
Pengarah Laut Wilayah Utara
Director of Marine Northern Region